

10 APR 1997

Mahathir-Perdagangan

MALAYSIA CADANG CARA UNTUK IMBANGI PERDAGANGAN

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

ISLAMABAD, 10 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia telah mengemukakan cadangan kepada Pakistan untuk membantu mengimbangi dagangan antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata cadangan itu termasuk mengenalpasti barangan yang boleh dibeli Malaysia dari Pakistan dan mungkin Malaysia boleh membantu dalam pemprosesan barangan itu untuk tujuan eksport.

Cara ini juga akan membantu Pakistan memperolehi pendapatan tukaran asing, katanya pada persidangan berita di pangkalan tentera Udara Chaklala di sini sebelum pulang ke tanah air selepas membuat lawatan singkat ke Pakistan semalam.

Dr Mahathir yang sebelum itu melawat dua negara Teluk, Bahrain dan Kuwait, bagi membentuk hubungan dan kerjasama ekonomi yang lebih erat, telah mengadakan pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri Pakistan Nawaz Sharif di kediamannya di sini.

"Pada masa yang sama kita boleh membincangkan cara dan kaedah yang boleh dilakukan oleh syarikat-syarikat Malaysia untuk membantu mengurangkan import dengan mengeluarkan barangan yang diimport dalam Pakistan sendiri," katanya.

Perdana Menteri berkata kedua-dua pemimpin telah membincangkan perkara berhubung penswastan, mengecilkan saiz agensi kerajaan, pengurangan defisit kerajaan, imbangan dagangan dan pelaburan.

Dr Mahathir berkata syarikat-syarikat Malaysia telahpun datang ke Pakistan meninjau kawasan seperti carigali minyak dan gas, membina saluran paip dan industri pemprosesan makanan.

Walaupun Malaysia sedang menuju ke arah perindustrian, Malaysia tidak akan mengetepikan komitmennya membantu negara-negara miskin, katanya.

Beliau berkata Malaysia mengekalkan dasarnya terhadap Kerjasama Selatan-selatan dengan melabur di negara-negara di rantau itu selain terus menyediakan latihan dan kepakaran kepada rakyat negara seperti Afrika, Pasifik Selatan dan Asia Tenggara.

"Malaysia belum lagi lupa, jauh daripada itu. Kita mempunyai dasar cuba membantu negara-negara miskin kerana kita mahu melihat mereka menjadi kaya. Bila mereka telah kaya mereka boleh membeli minyak kelapa sawit kita," katanya semasa menjawab soalan sama ada Malaysia tidak akan menghiraukan untuk membantu negara-negara kurang maju seperti Pakistan dalam proses ia menuju menjadi negara perindustrian.

Mengenai penyertaan Pakistan dalam forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), Dr Mahathir berkata Malaysia akan memberikan sokongan apabila tiba masanya.

Beliau juga berkata Pakistan akan menikmati kestabilan politik kerana kerajaan yang ada di bawah pimpinan Nawaz Sharif telah mendapat majoriti besar dan ini memberikannya kuasa mewujudkan dasar-dasar yang tidak mudah diketepikan atau dikalahkan di Parlimen.

"Nawaz Sharif mampu melaksanakan rancangannya tanpa menjejaskan kedudukannya," katanya semasa ditanya pendapatnya tentang pentadbiran Nawaz Sharif dan impiannya menjadikan Pakistan sebagai negara kuasa ekonomi.

Perdana Menteri juga menggesa rakyat Pakistan supaya memberikan peluang secukupnya kepada Nawaz memimpin negara ini sebelum membuat penilaian.

"Saya percaya beliau mampu menghasilkan kejayaan. Beliau sentiasa memperkatakan mengenai usaha membangunkan Pakistan dan menggunakan Malaysia sebagai contoh. Tiada siapa yang boleh membangunkan sesebuah negara jika

beliau hanya diberikan dua atau tiga tahun memimpinya," katanya.

Dr Mahathir juga menyatakan sokongan terhadap dialog antara Pakistan dan India bagi mengatasi masalah.

"Malaysia percaya Pakistan dan India harus mengadakan dialog dan cuba menyelesaikan masalah antara kedua-dua jiran itu. Malaysia tidak percaya kepada konfrontasi dan harus menegaskan pendiriannya dalam perkara ini," katanya.

Semasa menjawab sama ada Malaysia menerima kemasukan pekerja Pakistan, Perdana Menteri berkata Malaysia gembira menerima masuk pekerja profesional Pakistan seperti pegawai perubatan dan jurutera tetapi tidak di kalangan pekerja tidak mahir kerana golongan itu banyak di Malaysia.

Mengenai kemungkinan Malaysia membantu Pakistan menanam kelapa sawit, Dr Mahathir berkata sesetengah negara telah meminta Malaysia membekalkan benih kelapa sawit tetapi banyak yang tidak begitu berhasil.

Tanaman kelapa sawit hanya boleh subur di kawasan dalam lingkungan 5 darjah dari Khatulistiwa.

"Saya rasa kita boleh memikirkan cara lain untuk mengatasi masalah itu," katanya.

Tahun lepas Pakistan mengimport kira-kira 1.16 juta metrik tan minyak kelapa sawit atau 84.9 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia ke Pakistan. --BERNAMA

ARA RON